



**JABATAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

Lampiran A

No

SYARAT PENGELUARAN LESEN INDUSTRI BUKAN MAKANAN

- 1 Kebersihan Bangunan**
 - a. Kebersihan bangunan dan kawasan sekeliling premis perlu dijaga setiap masa.
 - b. Siling perlu bebas dari habuk dan sarang labah-labah.
 - c. Sediakan tong sampah yang mencukupi dalam kawasan kilang untuk tujuan pembuangan.
 - d. Melantik kontraktor yang berdaftar dengan MPSP untuk menguruskan pembuangan sampah industri.
- 2 Kemudahan Asas**
 - a. Sediakan tandas / bilik mandi yang sempurna dan mencukupi.
 - b. Sediakan bilik persalinan untuk pekerja.
 - c. Sediakan alat pengering tangan (hand dryer) dalam bilik mandi.
 - d. Sediakan tempat membasuh tangan (washing basin) bersama-sama dengan bahan pencuci.
- 3 Keselamatan Pekerja**
 - a. Sediakan kelengkapan peralatan keselamatan pekerja yang mencukupi.
 - b. Sediakan peti ubat kecemasan yang dilengkapi dengan ubat-ubatan ringan yang mencukupi.
 - c. Bilik kecemasan perlu disediakan.
- 4 Bekalan Air**
 - a. Air yang digunakan hendaklah diambil terus dari paip PBA.
- 5 Kemudahan Tandas**
 - a. Semua tandas perlu penyelenggaraan yang sempurna dan tidak berbau.
 - b. Sediakan urinal yang mencukupi.
 - c. Sediakan bahan pencuci yang mencukupi.
 - d. Tandas dan bilik mandi perlu dibersihkan setiap hari.
- 6 Pengendali Makanan**
 - a. Semua pengendali makanan perlu mendapatkan suntikan TAB dan diperiksa tahap kesihatan mereka.
 - b. Semua pengendali makanan perlu menghadiri kursus asas pengendali makanan.
 - c. Dilarang penjualan/penggunaan polistren untuk penyediaan/pembungkusan/penghidangan makanan / minuman
- 7 Effluen**
 - a. Cecair effluen perlu dirawat sebelum dibenar untuk dialirkan ke parit monsoon.
 - b. Kesemua sistem pamaritan perlu disambungkan ke tapak logi pengolahan air.
 - c. Membuat pensampelan effluen dan menghantar keputusan analisis kepada Jabatan Pelesenan
 - d. Memastikan effluen yang dilepaskan menepati standard dan piawaian yang ditetapkan oleh semua agensi penguatkuasaan.

8 Pelupusan Sampah / Sisa Buangan

- a. Syarikat perlu menggunakan perkhidmatan kontraktor yang mempunyai permit pelupusan di tapak pelupusan sampah MPSP.
- b. Sediakan tong sampah yang mencukupi untuk pembuangan sampah.
- c. Sisa domestik ditempatkan di luar bangunan kilang.
- d. Sisa pepejal industri diasingkan.
- e. Sisa elektronik (Electronic Waste) seperti tv, komputer, mentol tidak dibenarkan dibuang ditong sampah awam
- f. Menyediakan dua (2) bekas yang berasingan untuk mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula dan sisa biasa.

9 Sistem Pamaritan

- a. Sistem pamaritan yang baik dan aliran yang sempurna dilengkapi dengan perangkap sampah dan minyak.
- b. Parit dan longkang perlu diselenggarakan dalam keadaan sempurna dan bersih pada setiap masa.

10 Pengudaraan / Ventilation

- a. Penyedut udara yang mencukupi / exhaust fan.

11 Pencahayaan / Pencahayaan

- a. Pencahayaan perlu mencukupi.

12 Gangguan / Obstruction

- a. Dilarang meletak barang-barang pukal di jalan susur / kakilima / di luar kawasan operasi kilang.
- b. Dilarang membuat sebarang halangan di lorong belakang dan di tepi jalan.
- c. Halangan atau rintangan di pintu masuk / keluar tidak dibenarkan.
- d. Kerja-kerja hendaklah dijalankan di dalam premis sahaja dan tidak dibenarkan di luar kilang.
- e. Sediakan air paip yang bersih.

13 Kimia Perindustrian

- a. Kimia industri ditempatkan didalam setor berasingan.

14 Syarat Jabatan Bomba

- a. Perlu ditunaikan.

15 Syarat Jabatan Alam Sekitar

- a. Perlu ditunaikan.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN UNTUK MEMPROSES SIMEN

- 1 Hendaklah mengadakan laluan keluar konkrit sehingga ke jalan awam
- 2 Hendaklah mengadakan kemudahan cuci tayar lengkap dengan jet air bertekanan tinggi (high pressure water jet) dan air cuci hendaklah melalui perangkap kelodak (silt trap) sebelum dialir keluar ke parit awam.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN LAIN

- 1 Lesen perniagaan yang dikeluarkan tidak boleh diserahkan, dijual, disewa atau dipajak kecil (dialibabakan) kepada individu warganegara asing tanpa kelulusan MPSP.
- 2 Tidak dibenarkan mengambil pekerja warganegara asing yang tidak mempunyai visa kerja daripada Jabatan Imigresen Malaysia.
- 3 Premis perniagaan perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang warganegara tempatan sama ada pemilik perniagaan / pekerja sepanjang masa operasi perniagaan.